

30 APR 1997

Hamdan (Bergambar)

HAMDAN LIHAT PULAU PINANG SEBAGAI MODEL PEMBANGUNAN

Oleh: Azeman Ariffin

PULAU PINANG, 30 April (Bernama) -- Tun Hamdan Sheikh Tahir yang memulakan penggal ketiganya sebagai Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang esok yakin negeri ini akan menjadi termasyhur di dunia dalam bidang industri berteknologi tinggi dan pusat pembangunan ilmu.

Katanya Pulau Pinang sememangnya telah jauh berubah dalam tempoh 10 tahun lepas dan tidak ada sebab ia tidak boleh muncul sebagai negeri yang termaju di Malaysia dan menjadi model pembangunan untuk negeri-negeri lain.

Hasrat menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat perkembangan ilmu adalah penting kerana pembangunan seumpama itu dapat melahirkan generasi yang mahir dan profesional di peringkat antarabangsa, katanya dalam satu temuramah khas dengan Bernama di kediamannya di sini.

"Dulu semasa saya tinggal di Pulau Pinang, negeri ini terkenal sebagai sebuah pusat industri multinasional dan pelancongan tetapi jalan raya dan hotel bertaraf lima bintang masih tidak banyak. Hari ini, infrastrukur yang sedia ada dan yang sedang dirancang akan membawa Pulau Pinang mencapai matlamatnya," katanya.

Mengenai masalah orang Melayu di Pulau Pinang, beliau berkata walaupun telah banyak orang Melayu di negeri ini berjaya menjadi tokoh korporat dan profesional, namun masih ramai juga yang mundur dan tertinggal dalam arus pembangunan.

"Kebanyakan orang Melayu di negeri ini masih miskin ilmu termasuk ilmu bahasa dan disebabkan itu mereka tidak berupaya bersaing merebut peluang pembangunan terutama dalam industri pelancongan yang berkembang begitu pesat," katanya.

Beliau berkata perkara pertama yang patut dilakukan oleh generasi muda Melayu di negeri ini ialah mempelajari bahasa asing terutama bahasa Inggeris bagi membolehkan mereka merebut peluang yang dibawa masuk oleh para pelabur dan pelancong asing.

Hamdan yang genap berusia 76 tahun Ahad lepas, adalah anak kelahiran Pulau Pinang yang pertama dilantik ke jawatannya sekarang, yang mula dipegangnya enam tahun lepas.

Beliau adalah anak seorang tokoh ulama terkenal dari Aceh, Sheikh Tahir Jalaluddin.

Bagai ikan yang menyeberangi tujuh lautan namun badannya tidak masin, begitulah Hamdan yang mengharungi liku-liku hidup penuh cabaran sebelum menjadi Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, namun sikapnya sebagai pendidik tidak pernah berubah.

Dalam bidang pendidikanlah, beliau memanjat kejayaan demi kejayaan sehingga digelar 'Tokoh Pendidik Istimewa' yang bertanggungjawab membawa reformasi dalam sistem pendidikan negara.

Sistem peperiksaan yang menguji kepintaran para pelajar menerusi soalan-soalan objektif adalah atas usaha dan ilham beliau ketika memegang jawatan sebagai Pengawal Sindiket Peperiksaan Malaysia pada tahun 1965.

Hamdan menceritakan pengalaman-pengalaman penuh cabaran yang dilaluinya bermula daripada menuntut di Clifford College di Perak ketika Perang Dunia Kedua meletus dan Malaya dijajah tentera Jepun.

Sebagai seorang pelajar yang pintar dan anak kepada tokoh agama yang disegani ketika itu, beliau telah dipanggil menghadap Ketua Polis Jepun yang dikenali sebagai Konichiko.

Konichiko kemudian menawarkannya belajar di Maktab Perguruan Jepun di Singapura.

Semasa menuntut di maktab berkenaan, Hamdan bukan sahaja disegani oleh tentera Jepun kerana kebolehannya menguasai bahasa mereka dengan baik dalam tempoh yang singkat, malah beliau membuktikan kebolehannya dalam sukan Sumo.

"Saya terus muncul sebagai juara Sumo di maktab itu dan tentera Jepun menggelar saya 'Sishiu Ipai' yang bermaksud orang yang kuat semangat," katanya.

"Saya kemudian menjadi guru kepada guru-guru saya dan menjadikan sekolah itu sebagai tempat untuk menyelamatkan diri daripada dizalimi tentera Jepun," kata Hamdan.

Di sekolah itu jugalah beliau menemui isterinya Toh Puan Siti Zainab Baharuddin yang ketika itu baru berusia 14 tahun. Beliau menyimpan perasaan selama beberapa tahun sebelum berkahwin dengan Siti Zainab.

Setelah pendudukan tentera Jepun berakhir, beliau melanjutkan semula pengajian di Raffles College dan memperolehi Diploma Kesusasteraan pada tahun 1946.

Hamdan diiktiraf Inggeris sebagai guru bertauliah dan ditugaskan mengajar di Sekolah Clifford di Kuala Kangsar.

Beliau kemudian melanjutkan pelajarannya di Nottingham University di United Kingdom pada tahun 1949 untuk memperolehi Sijil Kepimpinan Belia dan kemudian memasuki London University serta dianugerahkan Sijil Pendidikan Profesional.

Sekembalinya ke tanah air pada tahun 1952, Hamdan dilantik sebagai Pengetua Sekolah Iskandar Shah di Perak dan dua tahun kemudian, beliau melanjutkan pelajarannya di Universiti Malaya di Singapura serta dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Geografi pada tahun 1956.

Kegigihannya menuntut ilmu disegani oleh kerajaan ketika itu dan beliau telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan rancangan kerajaan membuka sekolah-sekolah berasrama penuh.

Setelah jumlah pelajar semakin bertambah, beliau mendapati sistem soalan subjektif tidak lagi sesuai kerana ia memerlukan masa yang lama untuk diperiksa dan jumlah guru yang memeriksa jawapan pula tidak begitu banyak.

Hamdan lantas meminta kerajaan menyediakan komputer kepada Kementerian Pendidikan tetapi cadangan itu ditolak oleh Menteri Kewangan ketika itu, Tun Tan Siew Sin atas alasan ia memerlukan kos yang tinggi dan kerajaan mendapati sistem peperiksaan yang sedia ada masih praktikal untuk dilaksanakan.

Pada masa itu komputer adalah satu peralatan asing dan harga sebuah komputer beratus-ratus ribu ringgit.

Setelah beliau bersara wajib pada tahun 1976, Menteri Pelajaran ketika itu, Datuk Dr Mahathir Mohamad meminta beliau menerajui Universiti Sains Malaysia (USM) sehingga tahun 1982.

Beliau kemudian dilantik sebagai Wakil Malaysia ke Unesco berpusat di Paris.

"Setelah saya kembali ke tanah air, saya hanya berpeluang berehat untuk tiga tahun dan pada satu pagi saya menerima panggilan telefon daripada Menteri Pendidikan ketika itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memberitahu bahawa nama saya telah dicadangkan sebagai Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang," kata beliau.

"Apabila berbincang dengan isteri sama ada untuk menerima atau tidak pelantikan itu, jawapan yang diberikannya ialah: "Boleh, tapi kita akan menjadi dua ekor burung yang hidup dalam sangkar emas."

"Saya bersyukur kepada Allah atas segala-galanya dan jika ditanya kenapa saya begitu gigih dalam menjalankan sebarang tugas, saya sebenarnya sentiasa terkenangkan kegigihan ayah saya sebagai seorang ulama yang tidak

pernah mengeluh dalam menjalankan tugasnya," kata Hamdan.--BERNAMA
AA AU RON